

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU - PAS]**

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 8)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kos pembiayaan dan peratus pembiayaan dan peratus pencapaian atlit-atlit negara yang bertanding di Temasya Sukan SEA Myanmar tahun 2013 yang lalu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan pembiayaan penyertaan kontinjen negara bagi menghadapi Temasya Sukan SEA 2013 di Myanmar kali ini adalah sebanyak **RM 23.5** juta dimana kos-kos ini melibatkan kos perbelanjaan penyediaan atlet bagi sukan-sukan yang bertanding iaitu sebanyak **RM 20.08** juta dan kos perbelanjaan penyertaan kontinjen ke Myanmar sebanyak **RM 3.42** juta yang meliputi tiket kapal terbang, penginapan dan kem latihan akhir kontinjen.
2. Kontinjen negara berjaya memperolehi pungutan pingat sebanyak 43 pingat Emas, 38 pingat Perak dan 77 pingat Gangsa daripada jumlah keseluruhan pingat yang ditawarkan iaitu sebanyak 461 pingat Emas, 459 pingat Perak dan 611 pingat Gangsa.
 - i. Daripada jumlah 43 pingat Emas yang diperolehi, atlet-atlet dari sukan **Akuatik** menjadi penyumbang pingat Emas terbesar iaitu sebanyak 12 pingat Emas (27.91 %) diikuti sukan **Karate** dengan 7 pingat Emas (16.28 %). Seterusnya, sukan **Olahraga** memperolehi 4 pingat Emas (9.30 %) manakala sukan **Wushu** dan **Ekuestrian** memungut 3 pingat Emas (6.97 %). Bagi sukan **Hoki**, **Memanah**, **Muay**, **Pencak Silat** dan **Pelayaran** masing-masing mendapat 2 pingat Emas (4.65 %) manakala sukan **Badminton**, **Snuker Billiards**, **Bina Badan** dan **Menembak**, kesemuanya memperolehi 1 pingat Emas (2.33 %).

- ii. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 jenis sukan (42.4 %) daripada 33 jenis sukan yang layak bertanding di temasya kali ini berjaya memperolehi pingat Emas yang dipertandingkan dan seterusnya melepas sasaran asal 40 pingat Emas yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sekian, terima kasih.